



RISALAH PENDEDAHAN PRODUK  
RHB Treasure 20

Ini adalah produk insurans

Baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil RHB Treasure 20. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menawarkan perlindungan insurans sehingga akhir tempoh polisi ke-20 dengan 10 tahun bayaran premium terhad. Apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK), jumlah manfaat akan dibayar sekali gus. Polisi ini juga memberikan perlindungan tambahan apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia akibat kemalangan, meninggal dunia akibat Penyakit Bawaan-Nyamuk (Denggi, Malaria, Zika, Chikungunya atau Ensefalitis Jepun) atau masuk hospital akibat kemalangan Kenderaan Bermotor semasa musim perayaan. Selain itu, Polisi ini mengetepikan semua jumlah premium pada masa akan datang sekiranya Orang yang Diinsuranskan didiagnosis dengan mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi dalam tempoh bayaran premium. Apabila matang, 118% daripada Jumlah Premium Dibayar akan dibayar.

Polisi ini tidak menyertai pengagihan untung Syarikat.

### 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang diberikan?

Polisi ini menawarkan:

- Manfaat Kematian/HUMK - <Jumlah Yang Diinsuranskan>, tolak apa-apa amaun yang terhutang kepada Kami
- Manfaat Kematian akibat Kemalangan (kemalangan selain daripada menaiki Pengangkutan Awam) - tambahan <Jumlah Yang Diinsuranskan>
- Manfaat Kematian akibat Kemalangan (semasa menaiki Pengangkutan Awam) - tambahan <200% Jumlah Yang Diinsuranskan>
- Manfaat Kematian akibat Penyakit Bawaan-Nyamuk (Denggi, Malaria, Zika, Chikungunya atau Ensefalitis Jepun) - tambahan <10% Jumlah Yang Diinsuranskan>
- Manfaat Penghospitan akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor semasa Musim Perayaan - <1% Jumlah Yang Diinsuranskan> akan dibayar sekaligus
- Manfaat Kematanganan - 118% daripada Jumlah Premium Dibayar, tolak apa-apa amaun yang terhutang kepada Kami
- Pulangan Tahunan (untung/rugi bersih) adalah anggaran pulangan pelaburan purata ke atas manfaat kelangsungan hidup/simpanan yang anda akan terima sepanjang tempoh polisi sehingga matang berkenaan dengan premium yang anda bayar. Pulangan tahunan sebenar polisi anda hanya boleh ditentukan apabila polisi anda matang.  
Pulangan Tahunan anda (untung/rugi bersih) jika dipegang polisi sehingga matang ialah:  
**Manfaat Terjamin : <Pulangan Tahunan> % p.a.**  
Premium yang anda bayar menyumbang kepada elemen simpanan dan perlindungan produk ini, Cth: manfaat kematian. Jika anda mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan polisi ini dengan pulangan alternatif pelaburan lain.
- Penepian premium sekiranya Orang yang Diinsuranskan didiagnosis dengan mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi dalam tempoh bayaran premium.

Hanya untuk tujuan ilustrasi (E. & O.E)

Polisi No:

Disediakan Oleh:

Tarikh Dicitakkan:

Tokio Marine  
Life Insurance Malaysia Bhd.

tokiomarine.com  
Life & Health | Property & Casualty



Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah Polisi ini:

No.	Penyakit Kritikal	No.	Penyakit Kritikal
1.	Penyakit Alzheimer / Dementia Teruk	25.	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
2.	Sindrom Apallic ( <i>iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan</i> )	26.	Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
3.	Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	27.	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
4.	Tumor Otak Benign - keterukan tertentu	28.	Hilang Keupayaan Bertutur
5.	Buta - Kekal dan Tidak boleh Pulih	29.	Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
6.	Pembedahan Otak	30.	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
7.	Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	31.	Penyakit Sistik Medular
8.	Kardiomiopati - keterukan tertentu	32.	Penyakit Neuron Motor - defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
9.	Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	33.	Sklerosis Multipel
10.	Hepatitis Autoimun Kronik	34.	Distrofi Otot
11.	Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik	35.	Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Akibat Pekerjaan
12.	Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	36.	Kelumpuhan Anggota
13.	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	37.	Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
14.	Penyakit Creutzfeldt-Jakob	38.	Poliomielitis
15.	Pekak - Kekal dan Tidak boleh pulih	39.	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
16.	Demam Hemorrhagic Ebola	40.	Skleroderma Progresif
17.	Elefantiasis	41.	Penyakit Arteri Koronari Serius
18.	Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	42.	Sindrom Eisenmenger Teruk
19.	Kegagalan Hati Tahap Akhir	43.	Strok/Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
20.	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	44.	Pembedahan Aorta
21.	AIDS Dengan Gejala Penuh	45.	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
22.	Hepatitis Viral Fulminan	46.	Penyakit Terminal
23.	Serangan Jantung - keterukan tertentu	47.	Kelecuran Tahap Ketiga - keterukan tertentu
24.	Pembedahan Injap Jantung		

Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk mendapatkan penerangan yang lanjut mengenai penyakit kritikal yang dilindungi di bawah Polisi ini.

Hanya untuk tujuan ilustrasi (E. & O.E)

Polisi No:

Disediakan Oleh:

Tarikh Dicitakkan:

Tokio Marine  
Life Insurance Malaysia Bhd.

tokiomarine.com  
Life & Health | Property & Casualty



**Catatan:**

- Jumlah maksimum diinsuranskan bagi manfaat HUMK ialah RM 8 juta setiap hayat bagi setiap polisi dan rider yang dikeluarkan atas Orang Diinsuranskan yang sama.
- Jumlah manfaat tambahan maksimum yang dibayar atas kematian akibat kemalangan ialah RM 10 juta setiap hayat bagi setiap polisi dan rider yang dikeluarkan atas Orang Diinsuranskan yang sama.
- Manfaat Penghospitalan akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor semasa Musim Perayaan dibayar sekali sahaja.
- Kemalangan Kenderaan Bermotor merujuk kepada kemalangan jalan raya yang berlaku semasa Orang Yang Diinsuranskan berada di dalam kenderaan bermotor yang dilesenkan untuk digunakan di jalan raya dengan plat pendaftaran yang sah.
- Musim Perayaan merujuk kepada perayaan berikut yang diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia:
  - (a) Hari pertama dan kedua Tahun Baru Cina;
  - (b) Hari pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri;
  - (c) Hari pertama Deepavali;
  - (d) Hari pertama Krismas;
  - (e) Hari pertama dan kedua Pesta Gawai Dayak;
  - (f) Hari pertama dan kedua Pesta Menuai; dan
  - (g) Dua (2) hari serta-merta sebelum dan selepas perayaan yang disebutkan

Tempoh perlindungan: 20 tahun atau kematian/HUMK Orang yang Diinsuranskan, kematangan, pembatalan, penamatan atau penyerahan Polisi ini, yang mana yang lebih awal.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

- Anggaran jumlah premium asas yang perlu anda bayar: <premium>
- Tempoh bayaran premium: 10 tahun.

**Catatan:**

- Polisi ini memberikan tempoh tangguh selama 30 hari, memberikan pelanggan tempoh lebih selepas tarikh genap tempoh untuk membuat pembayaran premium.
- Kadar premium adalah TERJAMIN.

### 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen akan ditanggung oleh anda dan dibayar daripada premium. Sila rujuk jadual berikut:

Tahun Polisi	Premium Asas yang Dibayar (RM)	Kadar Potongan daripada Premium untuk Komisen (%)	Amaun Sebenar daripada Premium untuk Komisen (RM)
1	<premium>	10.00%	<komisen>
2	<premium>	2.50%	<komisen>
3	<premium>	2.50%	<komisen>
4	<premium>	2.50%	<komisen>
5	<premium>	2.50%	<komisen>
6	<premium>	2.50%	<komisen>
7	<premium>	2.50%	<komisen>
8	<premium>	2.50%	<komisen>
9	<premium>	2.50%	<komisen>
10	<premium>	2.50%	<komisen>
<b>Jumlah</b>	<b>&lt;jumlah premium&gt;</b>	<b>32.50%</b>	<b>&lt;jumlah komisen&gt;</b>

Hanya untuk tujuan ilustrasi (E. & O.E)

Polisi No:

Disediakan Oleh:

Tarikh Dicetak:

Tokio Marine  
Life Insurance Malaysia Bhd.

tokiomarine.com  
Life & Health | Property & Casualty



## 5. Apakah antara terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan (jika ada), dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh bertenang - polisi ini boleh dibatalkan dengan mengembalikan dokumen polisi dalam tempoh 15 hari setelah penghantaran dokumen polisi ini kepada anda. Setelah polisi ini dibatalkan, kami akan memulangkan premium yang telah dibayar bagi polisi ini, selepas menolak sebarang perbelanjaan perubatan yang kami tanggung (jika ada) dalam mengeluarkan polisi ini dan polisi ini akan dibatalkan.
- Polisi ini akan berkuatkuasa apabila jumlah premium untuk Polisi ini dibayar .
- Notis tuntutan - notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh masa 60 hari dari tarikh kematian dan 6 bulan dari tarikh HUMK / penyakit kritikal. Bagi Manfaat Penghospitalan akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor semasa Musim Perayaan, notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh penghospitalan.
- Tempoh Menunggu:
  - Manfaat Kematian akibat Penyakit Bawaan-Nyamuk: 90 hari dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Polisi ini, mengikut mana lebih kemudian.
  - Penyakit Kritikal:
    - Kanser, Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Serangan Jantung, Penyakit Arteri Koronari Serius: 60 hari dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Polisi ini, mengikut mana lebih kemudian.
    - Penyakit Kritikal lain: 30 hari dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Polisi ini, mengikut mana lebih kemudian.
- Penggantian polisi - penggantian polisi anda dengan polisi yang baru mungkin tidak berfaedah. Sekiranya anda ingin berbuat demikian, kami mencadangkan supaya anda mendapatkan nasihat daripada Kami / wakil jualan sebelum membuat keputusan muktamad.

Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk mendapatkan terma dan syarat di bawah Polisi ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

### Manfaat Kematian

- Bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana-mana lebih kemudian.

### Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

- cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
- kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami ketika berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang membahayakan atau pertandingan ketahanan;
- sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial berjadual tetap);
- pelayaran kapal selam;
- perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- pelanggaran undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- sebarang bentuk Hilang Upaya yang wujud pada Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi ini, yang mana-mana lebih kemudian;
- peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas; atau
- Keadaan Sedia Ada yang telah wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian.

Hanya untuk tujuan ilustrasi (E. & O.E)

Polisi No:

Disediakan Oleh:

Tarikh Dicitakkan:

Tokio Marine  
Life Insurance Malaysia Bhd.

tokiomarine.com  
Life & Health | Property & Casualty



#### **Manfaat Kematian akibat Kemalangan**

- sebarang bentuk masalah kesihatan atau penyakit yang disebabkan oleh punca bukan kemalangan;
- percubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
- kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang membahayakan atau pertandingan ketahanan;
- sebarang aktiviti penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar atau krew kapal terbang yang dikendalikan oleh Penerbangan Antarabangsa dan berlesen untuk perkhidmatan penumpang atas laluan komersial yang biasa dijadualkan);
- pelayaran kapal selam;
- perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- mengembalikan ketenteraman awam atau membuat apa-apa tangkapan sebagai pegawai undang-undang;
- peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, rusuhan dan kekecohan awam, mogok atau aktiviti pengganas;
- sebarang Keadaan Sedia Ada yang telah wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian;
- hernia, jangkitan ptomaina atau bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku disebabkan dan melalui luka atau kecederaan Kemalangan); atau
- racun, gas, wasap (secara sukarela atau bukan sukarela, tidak disengajakan atau sebaliknya, diambil, diberikan, diserap atau disedut).

#### **Manfaat Kematian akibat Penyakit Bawaan-Nyamuk (Denggi, Malaria, Zika, Chikungunya atau Ensefalitis Jepun)**

- Tanda dan gejala Penyakit Bawaan-Nyamuk yang ditubuh terzahir sebelum atau dalam tempoh sembilan-puluh (90) hari dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, yang mana-mana lebih kemudian.

#### **Manfaat Penghospitalan akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor semasa Musim Perayaan**

- Penghospitalan Orang yang Diinsuranskan adalah di luar Malaysia;
- Kemalangan Kenderaan Bermotor berlaku semasa bukan Musim Perayaan;
- Kemalangan Kenderaan Bermotor berlaku di luar Malaysia;
- Orang yang Diinsuranskan bukan merupakan pemandu dan/atau penumpang semasa Kemalangan Kenderaan Bermotor berlaku;
- sebarang bentuk masalah kesihatan atau penyakit yang disebabkan oleh punca bukan kemalangan;
- cubaan membunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman);
- kecederaan diri yang disengajakan atau kecederaan yang dialami semasa berada di bawah pengaruh dadah atau alkohol;
- kecederaan yang dialami semasa melibatkan diri dalam kelajuan yang membahayakan atau pertandingan ketahanan;
- perkhidmatan tentera, polis, tentera laut atau aeronautik;
- melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
- pengembalian semula ketenteraman awam atau menjalankan penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
- peperangan sama ada diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, revolusi, mogok, aktiviti pengganas atau penyertaan dalam rusuhan dan kekecohan awam;
- Keadaan Sedia Ada yang telah wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi ini, mengikut mana-mana yang lebih kemudian;
- hernia, jangkitan ptomaina atau bakteria (kecuali jangkitan piogenik yang berlaku disebabkan dan melalui luka atau kecederaan Kemalangan); atau
- racun, gas, wasap (secara sukarela atau bukan sukarela, tidak disengajakan atau sebaliknya, diambil, diberikan, diserap atau disedut).

Hanya untuk tujuan ilustrasi (E. & O.E)

Polisi No:

Disediakan Oleh:

Tarikh Dicitakkan:

Tokio Marine  
Life Insurance Malaysia Bhd.

tokiomarine.com  
Life & Health | Property & Casualty



### Penyakit Kritikal

- apa-apa penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk keadaan Penyakit Kritikal yang dilindungi;
- tanda atau gejala Penyakit Kritikal yang ditakrifkan terzahir sebelum atau dalam tempoh;
  - enam-puluh (60) hari untuk Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung, Penyakit Arteri Koronari Serius; atau
  - tiga-puluh (30) hari untuk semua Penyakit Kritikal;dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana yang lebih kemudian;
- Keadaan Sedia Ada yang wujud sebelum Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula, mengikut mana yang lebih kemudian.
- Kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kehadiran mana-mana infeksi Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV). Kami mempunyai hak untuk memerlukan Orang yang Diinsuranskan menjalani ujian darah untuk HIV sebagai syarat terdahulu kepada penerimaan sebarang tuntutan. Pengecualian adalah apabila Infeksi HIV akibat transfusi darah, AIDS sepenuhnya atau Diperoleh Melalui Pekerjaan Infeksi Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) seperti ditakrifkan:
  - definisi AIDS yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia di 1987 atau apa-apa revisi seterusnya oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia daripada definisi itu.
  - Infeksi hendaklah disifatkan telah berlaku apabila darah atau apa-apa ujian lain yang berkaitan nyatakan dalam pendapat Kita ialah sama ada kehadiran apa-apa Virus Kurang Imun Manusia atau Antibodi kepada virus sebegitu.
- kecacatan kongenital atau penyakit yang didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai Umur tujuh belas (17) tahun
- kecederaan diri yang disengajakan;
- alkohol atau penyalahgunaan dadah;
- Orang yang Diinsuranskan tidak bersetuju untuk menjalani rawatan atau menentang nasihat Pakar atau Pakar Perubatan; atau
- Orang yang Diinsuranskan hidup kurang daripada sekurang-kurangnya tiga-puluh (30) hari selepas diagnosis Penyakit Kritikal.

\*Keadaan Sedia Ada ditakrifkan sebagai ketidakupayaan yang Orang yang Diinsuranskan mengetahui atau mempunyai pengetahuan terhadapnya. Seorang Orang yang Diinsuranskan akan dianggap mengetahui sesuatu keadaan yang sedia ada telah berlaku padanya jika:

- Orang yang Diinsuranskan sedang atau telah menerima rawatan;
- cadangan perubatan, rawatan atau perkhidmatan perubatan telah dicadangkan;
- terdapat simptom yang jelas atau simptom tersebut telah dilihat dengan nyata; atau
- kewujudannya dapat diperhatikan dengan jelas oleh orang yang pernah/sedang mengalami keadaan tersebut.

**Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah Polisi ini.**



### 7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Membeli polisi hayat merupakan komitmen kewangan jangka panjang. Jika anda tidak membayar premium dalam tempoh tangguh, polisi anda akan luput melainkan polisi anda telah memperoleh nilai tunai. Nilai tunai selepas tolak apa-apa amaun yang terhutang kepada Kami akan dibayar apabila anda menyerahkan Polisi ini sebelum tempoh kematangan adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah premium yang telah anda bayar, seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Hujung Tahun Polisi	Premium Dibayar pada Awal Tahun (RM)	Jumlah Premium Dibayar (RM)	Nilai Tunai Terjamin (% Jumlah Premium Dibayar)	Nilai Tunai Terjamin (RM)
1	<premium>	<jumlah premium dibayar>	0%	<Nilai Tunai Terjamin>
2	<premium>	<jumlah premium dibayar>	0%	<Nilai Tunai Terjamin>
3	<premium>	<jumlah premium dibayar>	30%	<Nilai Tunai Terjamin>
4	<premium>	<jumlah premium dibayar>	40%	<Nilai Tunai Terjamin>
5	<premium>	<jumlah premium dibayar>	45%	<Nilai Tunai Terjamin>
6	<premium>	<jumlah premium dibayar>	50%	<Nilai Tunai Terjamin>
7	<premium>	<jumlah premium dibayar>	55%	<Nilai Tunai Terjamin>
8	<premium>	<jumlah premium dibayar>	60%	<Nilai Tunai Terjamin>
9	<premium>	<jumlah premium dibayar>	65%	<Nilai Tunai Terjamin>
10	<premium>	<jumlah premium dibayar>	70%	<Nilai Tunai Terjamin>
11	-	<jumlah premium dibayar>	75%	<Nilai Tunai Terjamin>
12	-	<jumlah premium dibayar>	80%	<Nilai Tunai Terjamin>
13	-	<jumlah premium dibayar>	85%	<Nilai Tunai Terjamin>
14	-	<jumlah premium dibayar>	90%	<Nilai Tunai Terjamin>
15	-	<jumlah premium dibayar>	95%	<Nilai Tunai Terjamin>
16	-	<jumlah premium dibayar>	100%	<Nilai Tunai Terjamin>
17	-	<jumlah premium dibayar>	100%	<Nilai Tunai Terjamin>
18	-	<jumlah premium dibayar>	105%	<Nilai Tunai Terjamin>
19	-	<jumlah premium dibayar>	110%	<Nilai Tunai Terjamin>
20	-	<jumlah premium dibayar>	118%	<Nilai Tunai Terjamin>

### 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya bertukar alamat dan nombor telefon?

Anda mestilah memaklumkan kami tentang segala perubahan alamat dan nombor telefon anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.

### 9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan informasi tambahan mengenai insurans hayat dan/atau insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk buku panduan insuranceinfo berkaitan yang boleh didapati di semua cawangan kami dan daripada wakil jualan kami, atau melayari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd.**  
Ground Floor, Menara Tokio Marine Life  
189, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.

Talian Am : 03-2059 6188  
Faks : 03-2162 8068  
Nombor Khidmat Pelanggan : 03-2603 3999  
E-mel : [customercare@tokiomarinelife.com.my](mailto:customercare@tokiomarinelife.com.my)

Hanya untuk tujuan ilustrasi (E. & O.E)

Polisi No:

Disediakan Oleh:

Tarikh Dicetakkan:

Tokio Marine  
Life Insurance Malaysia Bhd.

[tokiomarine.com](http://tokiomarine.com)  
Life & Health | Property & Casualty





#### 10. Jenis perlindungan lain seumpamanya yang disediakan.

Tiada.

**MAKLUMAT PENTING:**

**MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL JUALAN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Pelan insurans ini diunderait oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad [199801001430 (457556-X)], sebuah Syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pendedahan ini adalah sah pada 12/12/2022.